

Headline	Berkorban untuk peminat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 16,361
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,083



Berkorban untuk peminat

Shaheizy Sam layan pelajar di program Nescafe On Sam walaupun letih dan selesema

Oleh Ridzuan Abdul Rahman

mohamadridzuan@
mediaprima.com.my

Hasrat untuk mem- babitkan pemi- nat dalam single terbarunya bukan main- main. Justeru, biarpun sibuk dengan penggam- baran filem Adnan Sem- pit Sawadikap di Bangkok, Thailand, Shaheizy Sam sanggup mencuri masa pulang ke Malaysia untuk program 'Nescafe On Sam' di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang baru-baru ini.

UPM menjadi lokasi jela- jah pertama Sam dan Nes- cafe dalam projek pembi- kinan lirik khusus untuk single solo pertama pelakon terkenal ini ciptaan kom- poser Audi Mok.

Tanpa menunjukkan rasa penat, dia yang me- ngalami selesema ketika

itu tetap ramah melayan kerenah pelajar yang me- ngerumuninya dan mahu bergambar.

Hanya sempat sehari berada di Malaysia, figu- ra pujaan ramai ini ter- bang semula ke Bangkok dengan penerbangan awal keesokan paginya bagi menghabiskan baki pen- ggambaran filem yang se- kali lagi menemukannya dengan Along Cham.

Ditemui selepas be- rakhirnya sesi itu, Sam, 31, melahirkan rasa gembira kerana segala perancangan sudah mula berjalan. Yang pasti impiannya untuk me- nyanyikan lagu dengan lir- ik nukilan peminat bakal direalisasikan selepas ini.

"Saya beruntung kerana ada kakitangan sendiri dan

pihak Nescafe yang mem- bantu mencari lokasi se- suai. Saya gembira apabila UPM antara lokasi pilihan kerana semua orang tahu golongan pelajar amat krea- tif. Apatah lagi saya se- memangnya mahukan idea segar dalam penulisan lirik nanti.

"Saya tak dapat jangka hasil yang bakal diperoleh tapi saya lihat mereka yang hadir semuanya 'sporting' dan memberikan sambu- tan baik. Disebabkan ini, saya tak kisah penat sedikit terpaksa pulang dari Thailand," katanya.

Menurutnya, penat ada- lah perkara biasa berlaku terhadap mana-mana indi- vidu. Dia juga tidak menga- nggap ia suatu masalah kera- na apa yang ingin dilakukan

ialah terus bergerak maju dalam kariernya.

"Saya lebih pentingkan kerja daripada perkara lain. Saya tak sasarkan apa- apa berkenaan lirik yang dihasilkan nanti tapi saya percaya anak-anak muda kita sangat kreatif. Apa saja tema yang disampaikan dalam lirik biarpun me- nyentuh isu cinta tetap boleh diterima kerana ia adalah perkara biasa dalam hidup.

"Seandainya nanti lirik berunsur cinta yang terpi- lih, saya tiada masalah me- nyampaikannya kerana ia adalah gambaran perasaan cinta saya terhadap pemi- nat," katanya.

Menerusi penampilannya yang serba sederhana, Sam mengakui lebih menyukai penggunaan bahasa ringkas

Headline	Berkorban untuk peminat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 16,361
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,083

dalam lagu yang disampaikan secara berduet dengan Liyana Jasmay nanti.

“Ringkas tapi mempunyai pelbagai maksud. Itulah yang saya inginkan. Tak perlulah nak tulis ayat berbunga-bunga dan berbelit-belit kerana yang penting mudah difahami dan diterima ramai,” katanya. -

Pandai tulis lirik

Sebelum ini Sam pernah tampil bersama kumpulan MOB sekitar tahun 1999. Tidak hairanlah dia turut mempunyai kebolehan menulis lirik sendiri.

“Saya memang minat menulis lirik. Lagi-lagi ketika zaman hip hop kerana setiap langkah perlu seiring dengan lirik yang disampaikan. Sejak pencarian ini dihebahkan, saya menerima respon sangat positif daripada peminat.

“Sokongan ini diperlihatkan menerusi laman sosial Twitter dan Facebook. Sudah tentunya saya akan memilih lirik terbaik untuk disampaikan nanti. Kalau boleh saya nak pelajar-pelajar dari Akademi Seni Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) turut hantar penyertaan kerana umum tahu kebolehan mereka.

“Begitu juga pelajar IPT lain kerana sisi kreatif ada dalam diri setiap individu.

Kreativiti seni sebenarnya tak terbatas dan lain orang lain definasinya. Saya memang nak menghargai peminat menerusi cara membawa kreativiti mereka dalam lirik lagu,” katanya ikhlas.

Menjadikan lagu-lagu Allahyarham Tan Sri P Ramlee yang tetap diminati sampai bila-bila, Sam berharap lagunya mampu diterima dalam aspek komersial mahupun kualiti.

Beralih kepada Adnan Sempit Sawadikap, Sam gembira kerana segala-galanya berjalan mengikut perancangan. Malah dia menjanjikan sesuatu yang berbeza dalam filem ini.

“Konsep idea dan jalan cerita filem arahan Ismail Bob Hashim ini memang menarik. Karakter ‘senegal’ saya dan Along masih sama. Bagaimanapun cara Ismail menggarapnya kali ini sangat berbeza. Insya Allah filem ini sekali lagi akan dapat sambutan nanti,” katanya yang akan menghabiskan penggambaran di Bangkok dan pulang ke tanah air minggu ini.

Peminat yang ingin mencuba nasib boleh melakukannya menerusi Facebook Shaheizy Sam Samad atau melayari <http://www.youtube.com/nesca-femalaysia/>.

Headline	Berkorban untuk peminat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	10 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Rap	Circulation	324,097
Page No	R14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	443 cm ²
Journalist	Ridzuan Abdul Rahman	AdValue	RM 16,361
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,083

